

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 12 Januari 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA NOVEMBER 2023

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 6.9 peratus pada November 2023

PUTRAJAYA, 12 Januari 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, November 2023**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 6.9 peratus pada bulan November 2023 (30,669 tan metrik) berbanding pada bulan Oktober 2023 (32,944 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 9.3 peratus (November 2022: 28,048 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada November 2023 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (85.3%) berbanding sektor estet (14.7%).

Jumlah stok getah asli pada November 2023 meningkat 13.2 peratus kepada 172,335 tan metrik berbanding 152,196 tan metrik pada Oktober 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 89.8 peratus diikuti kilang pengguna getah (10.1%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 51,437 tan metrik pada November 2023, menurun 8.9 peratus berbanding Oktober 2023 (56,460 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 48.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada November 2023 diikuti Jerman (8.9%), Iran (5.7%), Amerika Syarikat (4.0%) dan Pakistan (2.8%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.01 billion pada November 2023, meningkat 1.0 peratus berbanding Oktober 2023 (RM1.0 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 3.3 peratus (November 2023: 549.67 sen sekilogram; Oktober 2023: 532.20 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat 2.4 peratus (November 2023: 562.24 sen sekilogram; Oktober 2023: 548.84 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 1.0 peratus hingga 3.2 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 2.2 peratus (daripada USD 1.45/kg kepada USD1.48/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 4.2 peratus (daripada USD1.61/kg kepada USD1.67/kg).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* pada November 2023, pasaran getah Kuala Lumpur menunjukkan trend bercampur-campur. Secara keseluruhannya, sentimen positif disumbangkan oleh langkah rangsangan yang diumumkan oleh China dan sasaran ekonomi positif bagi tahun 2024 walaupun kekurangan bekalan getah asli oleh pengeluar utama terutamanya oleh Thailand.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 November setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.



Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap berumur 18 tahun ke atas di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari www.padu.gov.my bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut;

- i. MyGCC : 1-800-88-7720
- ii. Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7721
- iii. Aduan online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli November 2022 dan Oktober - November 2023 ('000 tan metrik)



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli November 2022 dan Oktober - November 2023
(‘000 tan metrik)**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 JANUARI 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 12th January 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
NOVEMBER 2023

Malaysia natural rubber production
decreased by 6.9 per cent in November 2023

PUTRAJAYA, 12 January 2024 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, November 2023**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 6.9 per cent in November 2023 (30,669 tonnes) as compared to October 2023 (32,944 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 9.3 per cent (November 2022: 28,048 tonnes). Production of NR in November 2023 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (85.3%) as compared to estates sector (14.7%).

Total stocks of NR in November 2023 increased by 13.2 per cent to 172,335 tonnes as compared to 152,196 tonnes in October 2023. Rubber processors factory contributed 89.8 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (10.1%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 51,437 tonnes in November 2023, decreased 8.9 per cent as against October 2023 (56,460 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 48.3 per cent of total exports in

November 2023 followed by Germany (8.9%), Iran (5.7%), the United States of America (4.0%) and Pakistan (2.8%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.01 billion in November 2023, an increase of 1.0 per cent as compared to October 2023 (RM1.0 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 3.3 per cent (November 2023: 549.67 sen per kg; October 2023: 532.20 sen per kg) while Scrap increased by 2.4 per cent (November 2023: 562.24 sen per kg; October 2023: 548.84 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) increased between 1.0 per cent to 3.2 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 2.2 per cent (from USD1.45/kg to USD1.48/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 4.2 per cent (from USD1.61/kg to USD1.67/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest in November 2023, the Kuala Lumpur rubber market showed a mixed trend. Overall, the positive sentiment was contributed by the stimulus measure announced by China and its positive economic target for 2024 amid prospect of tight NR supply in major producer especially in Thailand.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on November 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Primary Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents aged 18 and over in Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind of every people-oriented initiative implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024.


Please visit www.padu.gov.my for more information related to PADU or contact the following hotline;

- i. MyGCC : 1-800-88-7720
- ii. Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7721
- iii. Complain online through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber November 2022 and October - November 2023 ('000 tonnes)



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber November 2022 and October - November 2023
('000 tonnes)**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 JANUARY 2024**